

CNS4762

U PB 25-07 00163 BA700

BAH

ANGGOTA UMNO DIINGATKAN JANGAN ULANG PERISTIWA UMNO DIHARAMKAN

Mahathir - UMNO

ALOR SETAR, 25 Julai (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota UMNO supaya jangan sampai berulang peristiwa pengharaman UMNO pada 1987 kerana keghairahan merebut jawatan dalam parti.

Katanya, walaupun anggota bebas untuk berkempen merebut jawatan tetapi biarlah jangan sampai menggugat perpaduan parti.

+Kalau ada perebutan secara ghairah, parti akan mengalami banyak masalah dan berlaku perpecahan, terutama kempen melalui surat-surat layang dan fitnah,+ katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Beliau tiba pagi ini bersama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, untuk merasmikan persidangan agung perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra.

Dr Mahathir, yang juga Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu berkata, walaupun anggota UMNO bebas dan berhak untuk bertanding tetapi pertandingan hendaklah dilakukan dengan cara teratur. -- Lagi.

▼25/07/19-17MST

CNS4765

U PB 25-07 00185 BA701

BAH

Mahathir - UMNO 2 Alor Setar

Terdahulu semasa merasmikan persidangan itu, beliau berkata, anggota UMNO perlu memelihara perpaduan parti kerana hanya melalui perpaduan parti akan menjadi kuat dan bebas daripada telunjuk orang lain.

Katanya, tidak sepatutnya berlaku perebutan kuasa sehingga menghancurkan parti dan beliau menasihati mereka yang ghairah hendak merebut jawatan parti supaya bersabar dan menunggu giliran.

+Apabila tiba giliran kita, kita akan terima dan kita berusaha, bukan dengan kempen menggunakan duit atau surat layang tetapi bekerja dengan jujur dan ikhlas.

+Apabila kita dapat kita bersyukur dan jika tidak dapat pun kita bersyukur. Tetapi menggunakan cara-cara yang tidak baik seperti menggunakan surat-surat layang dan memburukkan orang, kalau dapatpun tidak kekal. Lambat laun busuk dan pekong kita orang akan tahu,+ katanya.

+Saya sendiripun apabila tiba masanya saya akan berundur. Saya bukan hendak menongkat langit tetapi tak payahlah halau,+ katanya.

Beliau bagaimanapun berpuas hati kerana pada umumnya UMNO dan orang Islam di negara ini bersatu padu kecuali terdapat segolongan serpihan.

+Kita berharap akhirnya serpihan ini juga akan kembali ke pangkal jalan,+ katanya. -- Lagi.

▼25/07/19-21MST

U PB 25-07 00156 BA702

BAH

Mahathir - UMNO 3 Alor Setar

Sementara itu, Dr Mahathir sempat mengadakan pertemuan dengan 15 anggota jawatankuasa Koperasi Pekan Rabu di lapangan terbang itu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Menurutnya, pada perjumpaan itu, jawatankuasa tersebut mengemukakan kepada beliau surat yang ditandatangani hampir keseluruhan peniaga di kompleks perniagaan Pekan Rabu di sini bagi menyatakan persetujuan mereka untuk mengubah cara-cara perniagaan di situ daripada cara tradisional kepada moden.

Beliau berkata, hanya seorang sahaja peniaga Pekan Rabu yang enggan memberi pengakuan untuk menerima perubahan yang akan dilaksanakan kerajaan untuk Pekan Rabu.

Perdana Menteri sebelum ini telah meminta koperasi berkenaan mendapat persetujuan semua peniaga di situ bagi mengadakan perubahan kerana kerajaan sanggup mengeluarkan peruntukan asalkan mereka sanggup menerima perubahan.

Katanya, berikutan persetujuan mereka itu, kerajaan akan mengkaji cara-cara untuk memperbaiki keadaan perniagaan di situ termasuk membawa masuk pakar-pakar dari Jepun bagi menjadikan tempat itu lebih menarik. --  
Lagi.

▼25/07/19-23MST

CNS4769

U PB 25-07 00106 BA703

BAH

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Alor Setar

Katanya, jawatankuasa itu juga telah bersetuju untuk mengikut lawatan yang akan dianjurkan kerajaan bagi membolehkan mereka melihat tempat-tempat perniagaan di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, kerajaan belum dapat menentukan jumlah peruntukan akan diberikan bagi membaiki keadaan di Pekan Rabu tetapi ia bersetuju untuk membiayai kos promosi seperti mengadakan lampu-lampu bagi menjadikan tempat perniagaan yang dikhaskan kepada Bumiputera itu lebih menarik.

Menurut Pengerusi Koperasi Pekan Rabu, Encik Mustafa Ismail seramai 246 daripada 247 orang peniaga di situ telah menandatangani pengakuan bertulis bersetuju menerima perubahan yang akan dilaksanakan kerajaan itu. --  
Bernama.

▼25/07/19-24MST